



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 3 OGOS 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MAHA 2022: 'HAPPY HOUR' LAMAN PADI TAWAR BERAS 5KG HANYA RM10, ASTRO AWANI -ONLINE MAHA DIJANGKA BAWA PELABURAN LEBIH RM4B, LOKAL, HM -17 MAHA BERPOTENSI JANA RM250j NILAI JUALAN, NEGARA, KOSMO -6 LELONGAN BERAS RKG HANYA RM10 SEMPENA MAHA 2022, NASIONAL, BH -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7.	AKTIVITI NELAYAN KURANG DI TAPAK PSI, DALAM NEGERI, UM -5 RIPE FOR THE PICKING, MUKA DEPAN, THE STAR -1 PADI STRAW SCULPTURES, RICE PRODUCTION FEATURED AT SITE, NEWS, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

MAHA 2022: 'Happy hour' Laman Padi tawar beras 5kg hanya RM10



Lelongan beras RM10 itu boleh didapati di Laman Agro-Food Padi pada happy hour yang waktunya hanya diumumkan pada bila-bila masa sepanjang pameran. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Pengunjung berpeluang membeli beras seberat 5 kilogram dengan harga lelongan serendah RM10 pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang bermula Khamis sehingga 14 Ogos ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS),

Serdang.

Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Azman Mahmood berkata lelongan beras RM10 itu boleh didapati di Laman Agro-Food Padi pada *happy hour* yang waktunya hanya diumumkan pada bila-bila masa sepanjang pameran dan selepas tempoh itu tamat, beras tersebut dijual pada harga RM11 sekilogram.

Selain itu, beliau berkata pihaknya menyasarkan untuk mendidik murid-murid sekolah rendah dari seluruh Putrajaya, Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan mengenai proses menanam hingga menuai padi di Laman Agro-Food Padi.

"Satu hari ada tiga sekolah kami jemput (ke laman), kami nak bagi pendidikan secara langsung kepada generasi baharu tentang kesinambungan keselamatan makanan kerana beras merupakan makanan asas yang semua orang perlu tahu.

"Ada sesetengah pelajar, tak pernah tengok fizikal padi, dia tahu makan sahaja. Kami sasar untuk didik pelajar ini sebab mereka akan menjadi pemimpin pada masa akan datang dan pertanian ini menyediakan peluang pekerjaan yang besar," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Selain itu, Azman berkata pihaknya turut mempamerkan integrasi tanaman padi dengan ternakan udang galah bagi meningkatkan pendapatan pesawah tanpa mengurangkan hasil padi.

Katanya pameran replika jerami yang dikitar semula untuk menghasilkan makanan ternakan seterusnya menjadi port bergambar oleh pengunjung juga disediakan di Laman Padi itu.

"Integrasi antara padi dan udang galah ini akan memberi pesawah jana pendapatan lebih, kalau udang galah sekilogram RM50, tetapi kalau tanam padi baru RM1.20. Padi kita tanam dua kali semusim, kalau udang berterusan," katanya.

Menurut Azman Laman Agro-Food Padi juga menyediakan galeri padi yang mempamerkan evolusi cara penanaman padi daripada menggunakan sabit hingga penggunaan teknologi baharu termasuk dron untuk membantu memudahkan semburan racun dan kawalan serangga serta penyakit.

Azman berkata pihaknya juga akan melancarkan Internet benda (IoT) baharu yang boleh mengenal pasti jenis tanah serta cuaca yang sesuai untuk penanaman benih padi pada 7 Ogos ini.

"Kami cuba bawa generasi baharu untuk terlibat dengan benda-benda ini (industri padi) sebab beras orang makan hari-hari. Kalau berlaku perang atau krisis ekonomi sekalipun, ia masih berjalan. Kalau sebut sektor padi bukan hanya terlibat dengan penanaman padi, banyak lagi yang boleh buat, dengan dron, pengeluaran produk, baja dan jentera," katanya.

Laman Agro-Food Padi adalah satu daripada lapan laman pertanian iaitu Laman perikanan, Laman Ternakan, Laman Herba dan Sayur, Laman Buah-Buahan, Laman Nanas, Laman Jentera dan Laman Florikultur yang akan mewarnai MAHA 2020 bertemakan 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan'.

-- BERNAMA

MAHA dijangka bawa pelaburan lebih RM4b

Kuala Lumpur: Beberapa memorandum persefahaman (MoU) membabitkan nilai pelaburan lebih RM4 bilion ditandatangani sepanjang Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung dari 4 hingga 14 Ogos ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, MAHA 2022 dijangka menghasilkan lebih RM250 juta potensi nilai jualan.

"Ini tidak termasuk sesi padanan perniagaan melibatkan lapan syarikat ejen pemasar dari luar negara sebagai satu daripada usaha untuk membawa hasil serta produk agromakanan tempatan ke pasaran antara-bangsa," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Che Abdullah Mat Nawi (Pas-Tumpat)** mengenai jangkaan manfaat yang terhasil menerusi penganjuran MAHA tahun ini.

Ronald berkata penganjuran MAHA 2020 bertema-kan Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan turut menyediakan peluang kerjaya



Lebih 100 syarikat turut serta dalam program ini yang menawarkan lebih 15,000 kekosongan jawatan dalam pelbagai sektor"

Ronald Kiandee

kepada golongan muda serta graduan yang mencari pekerjaan menerusi Program Jamin Kerja dalam segmen Agro Job Fair.

"Lebih 100 syarikat turut serta dalam program ini yang menawarkan lebih 15,000 kekosongan jawatan dalam pelbagai sektor," katanya.

Ronald berkata, penganjuran MAHA 2022 menjadi platform utama dalam usaha kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memacu pemulihan sektor agromakanan negara selain membantu usahawan tani untuk pulih dari aspek penjanaan sumber pendapatan dan seterusnya menjamin sekuriti makanan negara.

MoU babit nilai pelaburan RM4 bilion

MAHA berpotensi jana RM250j nilai jualan

Oleh RASDAN AHMAD

+KUALA LUMPUR – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung dari 4 hingga 14 Ogos ini dijangka menjana lebih RM250 juta potensi nilai jualan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, beberapa memorandum persefahaman (MoU) melibatkan nilai pelaburan lebih RM4 bilion juga akan ditandatangani sepanjang pameran pertanian terbesar itu.

"Ini tidak termasuk sesi padanan perniagaan melibatkan lapan syarikat ejen pemasar dari luar negara sebagai satu daripa-

da usaha untuk membawa hasil serta produk agromakanan tempatan ke pasaran antarabangsa.

"Selain itu MAHA kali ini juga turut menyediakan peluang kerjaya kepada golongan muda serta graduan yang sedang mencari pekerjaan menerusi Program Jamin Kerja dalam segmen Agro Job Fair," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Che Abdullah Mat Nawi (**Pas-Tumpang**) mengenai jangkauan manfaat yang terhasil menerusi penganjuran MAHA tahun ini.

Jelas Ronald, lebih 100 syarikat akan turut serta dalam program tersebut dan menawarkan lebih 15,000 kekosongan jawatan dalam pelbagai sektor.

Katanya, penganjuran MAHA 2022 akan menjadi platform utama dalam usaha kerajaan bagi memacu pemulihan sektor agromakanan negara selain membantu usahawan tani untuk pulih semula daripada aspek penjaanaan sumber pendapatan dan seterusnya menjamin sekuriti makanan negara.

Ujarnya, MAHA 2022 akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mempamerkan 1,500 reruai pameran dan gerai jualan pemain industri dan usahawan tempatan.

"Pelaksanaan MAHA 2022 buat julung kalinya akan dianjurkan secara hibrid iaitu kombinasi fizikal dan maya," jelasnya.



RONALD (empat dari kiri) ketika melawat sekitar tapak pameran MAHA 2022 pada Program Media Tour MAHA 2022 di MAEPS, Serdang pada 31 Julai lalu.

Lelongan beras 5kg hanya RM10 sempena MAHA 2022

Tawaran slot 'Happy Hour' di Laman Agro-Food Padi bermula esok

Kuala Lumpur: Orang ramai berpeluang mendapatkan beras seberat lima kilogram dengan harga lelong serendah RM10 melalui slot istimewa 'Happy Hour' sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Industri Padi) di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Azman Mahmood, berkata lelongan beras itu boleh didapati di Laman Agro-Food Padi, dengan slot khusus untuk itu diumumkan bila-bila masa sepanjang pameran berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, dekat sini, bermula Khamis hingga 14 Ogos ini.

Untuk waktu biasa iaitu di luar slot 'Happy Hour' pula, katanya beras sama akan dijual pada harga RM11 sekilogram.

Mengulas pengisian MAHA 2022, beliau berkata pihaknya menyasarkan untuk mendidik murid sekolah rendah dari seluruh Putrajaya, Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan mengenal proses menanam hingga menuai padi di Laman Agro-Food Padi.

"Satu hari ada tiga sekolah kami jemput (ke Laman Agro-Food Padi), di mana kami nak bagi pendidikan secara langsung



Laman Agro-Food Padi di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang sedia terima pengunjung sempena MAHA 2022 bermula esok. (Foto BERNAMA)

kepada generasi baharu mengenai kesinambungan keselamatan makanan kerana beras makanan asas yang semua orang perlu tahu.

"Ada sesetengah pelajar tak pernah tengok fizikal padi, dia tahu makan sahaja. Kami sasar untuk didik pelajar ini sebab mereka akan menjadi pemimpin pada masa akan datang dan pertanian ini menyediakan peluang pekerjaan yang besar," katanya.

Selain itu, Azman berkata Laman Agro-Food Padi juga menyediakan galeri padi yang mempamerkan evolusi cara penanaman padi daripada menggunakan sabit hingga penggunaan teknologi baharu termasuk dron untuk membantu memudahkan sambilan racun dan kawalan se-

rangga serta penyakit.

Relancaran IoT

Bellau berkata, pihaknya juga akan melancarkan internet kebendaan (IoT) baharu yang boleh mengenal pasti jenis tanah serta cuaca yang sesuai untuk penanaman benih padi pada 7 Ogos ini.

"Kami cuba bawa generasi baharu untuk terabit dengan benda ini (industri padi) sebab beras orang makan hari-hari. Kalau berlaku perang atau krisis ekonomi sekalipun, ia masih berjalan.

"Kalau sebut sektor padi bukan hanya terabit dengan penanaman padi, banyak lagi yang boleh buat, dengan dron, pengeluaran produk, baja dan jentera," katanya.

Laman Agro-Food Padi satu

daripada lapan laman pertanian iaitu Laman Perikanan, Laman Ternakan, Laman Herba dan Sayur, Laman Buah-Buahan, Laman Nanas, Laman Jentera dan Laman Florikultur yang akan mewarnai MAHA 2020 bertemakan 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan'.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Klandee, memaklumkan beberapa memorandum persefahaman (MOU) membabitkan nilai pelaburan lebih RM4 bilion bakal ditandatangani sepanjang MAHA 2022, yang turut dijangka menghasilkan lebih RM260 juta potensi nilai jualan.

Bellau berkata, jumlah itu tidak termasuk sesi padanan perniagaan membabitkan lapan syarikat

Lelongan beras itu boleh didapati di Laman Agro-Food Padi, dengan slot khusus untuk itu diumumkan bila-bila masa sepanjang pameran berlangsung di MAEPS bermula Khamis hingga 14 Ogos.

Azman Mahmood,
Setiausaha Bahagian
(Bahagian
Pembangunan
Industri Padi)
di Kementerian
Pertanian dan
Industri
Makanan



ejen pemasar dari luar negara sebagai satu daripada usaha untuk membawa hasil serta produk agromakanan tempatan ke pasaran antarabangsa.

Katanya, MAHA 2020 bertemakan 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan' turut menyediakan peluang kerjaya kepada golongan muda serta graduan yang sedang mencari pekerjaan menerusi Program Jamin Kerja dalam segmen Agro Job Fair.

"Lebih 100 syarikat akan turut serta dalam program ini yang menawarkan lebih 15,000 kekosongan jawatan dalam pelbagai sektor.

"MAHA 2022 akan menjadi platform utama dalam usaha kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memacu pemuliharaan sektor agromakanan negara, selain membantu usahawan tani untuk pulih semula dari aspek penjana sumber pendapatan dan seterusnya menjamin sekuriti makanan negara," katanya melalui sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat semalam.

MAHA 2022 julung kalinya dianjurkan secara hibrid iaitu kombinasi fizikal dan maya, akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 6 Ogos ini.

BERNAMA

Hasil tinjauan gambar satelit selama tiga setengah tahun

Aktiviti nelayan kurang di tapak PSI

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
utusannews@mediamula.com.my

GEORGETOWN: Ratusan gambar satelit yang diambil selama tiga setengah tahun mendedahkan aktiviti perikanan di perairan selatan Pulau Pinang kebanyakannya berlaku di luar tapak cadangan projek tambak laut Penang South Islands (PSI).

Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation (PIC), Datuk Seri Farizan Darus berkata, 200 imej satelit telah dikaji oleh firma jurukur Enviro Land Services (Enviro) untuk mengenal pasti di mana nelayan biasanya menangkap ikan di perairan selatan Pulau Pinang.

"Pada tahun 2016 apabila cadangan PSI masih pada peringkat awal, kerajaan negeri telah menjalankan pengiraan bot nelayan secara manual selama tiga bulan di tapak projek.

"Daripada hasil pengiraan tersebut, kami mendapati kawasan tersebut bukan lokasi penangkapan ikan yang popular dalam kalangan nelayan setempat," katanya dalam satu kenyataan.

Namun kata Farizan, selepas kerja-kerja untuk melaksanakan PSI mula menunjukkan kemajuan, sesetengah pihak telah mendakwa tapak projek yang dicadangkan tersebut adalah tempat nelayan setempat menangkap ikan.

"Bagi mendapat kepastian, kami telah melantik jururunding untuk mendapatkan imej satelit yang menunjukkan pandangan udara kawasan perairan selatan Pulau Pinang dan menjalankan kajian untuk mengenal pasti di mana sebenarnya nelayan menangkap ikan.

"Hasil kajian tersebut telah mengesahkan penemuan yang terdahulu," katanya.

PENGUNAAN TEKNOLOGI IMEJ SATELIT

PIC telah melantik Enviro yang berkepakaran geospasial untuk mendapatkan imej satelit dari arkib PlanetScope untuk mengenal pasti di mana nelayan tempatan menangkap ikan.

Imej yang dikaji telah diambil oleh ratusan satelit PlanetScope yang mengorbit bumi dan mengambil gambar setiap hari.

Pengarah urusan Enviro, Yip Kit Meng berkata, 200 imej yang digunakan dalam kajian tersebut meliputi 80 peratus kawasan di sekitar tapak PSI dan mempunyai liputan awan yang kurang daripada



Sumber: Enviro Land Services Sdn Bhd

IMEJ satelit mendapati tapak projek Penang South Islands bukannya kawasan tumpuan nelayan.

Teknologi imej satelit ini berguna dalam pelaksanaan langkah-langkah kawalan alam sekitar PSI."

FARIZAN DARUS

15 peratus untuk memastikan pemandangan perairan selatan Pulau Pinang adalah jelas.

"Berdasarkan imej-imej itu, kita dapat melihat kedudukan bot-bot nelayan dengan jelas.

"Enviro kemudian mengumpul dan menyatukan data harian yang diperolehi dari imej-imej tersebut dalam satu gambar untuk menunjukkan lokasi penangkapan ikan yang popular dalam kalangan nelayan di perairan selatan Pulau Pinang," katanya.

Farizan berkata, imej satelit dan hasil kajian Enviro telah dapat mengesahkan maklumat nelayan kepada kerajaan negeri dan Pusat Khidmat Setempat Nelayan

(PPSN) yang mana mereka biasanya menangkap ikan di luar tapak PSI.

Hasil kajian tersebut juga selaras dengan data Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) yang menggunakan imej satelit untuk mengenal pasti lokasi bot nelayan di perairan selatan Pulau Pinang pada April 2021, Januari dan Mac 2022.

"Kami kerap mendengar nelayan menangkap ikan di sekitar Kapal Simen dan Pulau Kendi. Perkara ini dapat dilihat dalam imej satelit yang diperolehi.

"Daripada penemuan ini, kami dapat membuat kesimpulan bahawa bot yang dikesan di tapak PSI, di mana airnya cetek, adalah kira-kira 12 peratus. Majoriti nelayan pergi lebih jauh (dari tapak PSI)," katanya.

GAMBARAN KEADAAN YANG SEBENAR

Farizan berkata, kerajaan negeri bercadang untuk menggunakan teknologi imej satelit dalam pemantauan kerja penambakan pada masa akan datang.

"Dengan adanya imej satelit, kami telah memperolehi

maklumat yang berguna untuk membolehkan kontraktor merancang operasinya dengan lebih baik untuk mengawal pergerakan kapal dan mencegah pencemaran.

"Teknologi imej satelit ini berguna dalam pelaksanaan langkah-langkah kawalan alam sekitar PSI," katanya sambil menegaskan bahawa kerajaan negeri akan memastikan semua langkah diambil untuk meminimumkan kesan projek terhadap alam sekitar.

ISU LAMA DIBANGKITKAN LAGI

Penambakan PSI kini tertakluk kepada kelulusan laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP).

Sesi pameran awam laporan EIA yang memberi peluang kepada orang ramai untuk memberi maklum balas baru sahaja selesai pada awal bulan Julai.

Kebelakangan ini, pengkritik projek PSI juga telah muncul semula untuk membantah projek tersebut dengan dakwaan projek akan menjejaskan alam sekitar dan

jaminan makanan, Farizan berkata.

Farizan berkata, isu jaminan makanan yang digunakan untuk menyerang PSI bukanlah perkara baharu dan penjelasan telah dibuat sebelum ini bahawa projek tersebut tidak akan menyebabkan nelayan kehilangan mata pencarian atau kawasan penangkapan ikan.

"Daripada mengungkitkan isu-isu lama, kita sepatutnya memikirkan cara untuk menjadikan sektor perikanan kita lebih mampan untuk menghadapi perubahan iklim dan permintaan makanan laut yang semakin meningkat di dalam dan di luar Malaysia," katanya.

PROGRAM MESRA NELAYAN

Farizan juga menegaskan, kerajaan negeri Pulau Pinang tidak mengabaikan nelayan, sebaliknya telah menjadikan mereka kumpulan penerima manfaat yang pertama dalam pembangunan itu.

"Ada pihak tertentu yang sering cuba menggambarkan kerajaan negeri sebagai musuh utama nelayan. Tetapi kami berharap orang ramai tidak terpedaya.

"Inisiatif positif yang dilaksanakan untuk menjadikan kehidupan nelayan lebih baik menerusi skim SIMP dan program pengimbangan ekologi (PEOM) tidak harus dinafikan," katanya.

Skim SIMP menawarkan bantuan kewangan dalam bentuk ex-gratia, bot dan enjin, empat jati baru, saluran navigasi yang menyedak akses 24 jam ke laut, peluang pekerjaan dan perniagaan, program latihan dan peningkatan kemahiran, skim pemilikan rumah, serta sokongan pendidikan untuk anak-anak nelayan.

PEOM pula melaksanakan penanaman bakau, pelabuhan tukun tiaran dan unjam, pembinaan garis pantai mesra alam, pelepasan benih ikan dan udang, peruntukan dana untuk penyelidikan berkaitan marin dan perikanan, dan lain-lain.

"Inisiatif-inisiatif di bawah PEOM yang juga membawa kebaikan untuk nelayan akan mewujudkan habitat baru untuk ikan dan hidupan laut lain. Kerajaan negeri sudah pun memulakan program penanaman bakau.

"Adalah tidak adil bahawa inisiatif-inisiatif ini tidak diakui sesetengah pihak," katanya.



Ripe for the picking

Instagram-worthy: Visitors taking photos at the padi straw sculpture exhibition during the Penang International Padi Festival at Kampung Terus in Penang, Penang. — ZMAFARAN NASIB/The Star

Penang hopes to get its three-day padi festival, which draws thousands of visitors annually, on the national tourism calendar

By LIEW JIA XIAN
jiaxian@thestar.com.my

IT IS public consensus that efforts should be made to recognise Penang International Padi Festival (PIPF) as a national tourism event and that it be included in Malaysia's tourism calendar.

The annual event at Kampung Terus in Penang, Permatang Pauh, has the potential to drive tourists to Penang, say stakeholders.

Penang Chief Minister Chow Kon Yeow said the fourth edition this year – held from July 22 to 24 – received overwhelming support from the public.

"Thousands of people, including locals and international tourists, thronged the three-day festival.

"I remember thousands of visitors flocking to the festival in 2018 and 2019 too.

"This shows that PIPF has its own uniqueness and potential to be recognised as a national event, turning its venue into a must-visit cultural and heritage place.

"It can make Kampung Terus a popular

val's closing ceremony.

He also suggested that the festival's *padi* straw sculpture competition be promoted to attract more participation from international artists and promote Penang as an art hub.

"Kampung Terus has the potential to be used as a sculpture art stage for university students, artists, landscape architects and professional designers from around Malaysia.

"The state government will continue to support this kind of festival as it is related to the history, culture and heritage of *padi* farmers, who are important for the preservation of the country's identity," said Chow.

Penang agrotech and food security, rural development and health committee chairman Dr Norlela Ariffin, who is also Penang assemblyman, said the festival was a celebration of rich cultural heritage and nature.

She said the site chosen was one of the oldest *padi* heritage sites in Seberang Prai, dating back to the 1800s.

"Several activities, such as the *padi* straw sculpture competition, photography competi-

and crafts, *padi* exhibition and river cruise, were carried out during the festival.

"The objectives were to preserve and promote the 410ha heritage *padi* fields in Kampung Terus, support local farmers as they play a pivotal role in food security and develop the place as a tourist attraction.

"One of the unique elements of this year's PIPF was that it featured at least 17 *padi* sculptures of interesting shapes and various sizes such as a buffalo and a scarecrow.

"They were made from discarded rice straws and fully handcrafted by Kampung Terus villagers.

"I would like to thank the Kampung Terus villagers and the festival's organising committee, who gave it their best to make this festival a success," Norlela said at the event.

Rice facts

At the festival, visitors learned what *padi* farmers had to go through to produce good quality rice.

The visitors experienced the entire pro-

cess from when the *padi* was harvested and reached customers as rice.

Teacher Zarina Zainon, 50, from Kepala Batas, was one of the many who visited the festival over the weekend.

"My friend Zanawati Ilias, 40, who is also a teacher, drove from Sungai Petani in Kedah, which is about a one-and-a-half-hour drive, so that we could visit the festival together.

"We were excited and we definitely gained a lot of knowledge here about *padi*.

"I am proud that my state recorded the highest average *padi* yield in the country over the past two years.

"I will share with my students the knowledge I have gained from this festival," she said, adding that there were many who did not know how rice was produced.

Zarina also said that the festival brought back nostalgic memories.

"There were many activities for visitors to try, such as horse riding on the *padi* field, catching fish in a pond and riding bullock carts.

> FROM PAGE 1

"I was particularly amazed by the sculptures made using padi straws.

"My friend and I were so excited and took many pictures," she said.

For project planner Nasriah Samsudin, 29, the scorching heat did not stop her from bringing her one-year-old son to the festival.

"I work in Bukit Beruntung, Selangor, but am home in Kepala Batas for the weekend.

"I am here at the festival with my sister and brother-in-law, who told me about the event.

"Since we are staying in nearby Kepala Batas, we decided to check it out.

"Through this festival, I get to experience my hometown differently.

"This is also the first time I am bringing my son to such a big-scale event and he seems to be enjoying himself," she said.

Farming challenges

Farmers at the festival shared their experiences and challenges. Among them was Baharuddin Abdullah, 49, who said most farmers took up other jobs to make ends meet.

Baharuddin, who is also Kampung Terus Village Community Management Council (MPKK) chairman, said he had been helping his parents in the padi fields since young.

"Lately, the price of pesticide has increased by 100% and it is a burden on farmers.

"The latest harvest for some of us has dropped by 30% to 40% because of a new virus in the rice seed.

"Samples have been sent to the lab for testing, and we are told not to use drones as it may spread the virus to other padi fields.

"At the moment, the only way to control it is by spraying the treatment manually.

"The virus attacked one month before the harvest season.

"We hope that this issue can be resolved quickly," he added.

Baharuddin said there were two harvest seasons in a year.

"This year, we started planting before the fasting month in April and got our first harvest in July.

"We will be planting again at the end of September and most likely harvest by December.

"We can usually harvest between 3.2 and 3.5 tonnes of padi from 0.4ha of land, and the most is above four tonnes," he explained.

He is hoping that the state government will build and upgrade the infrastructure to promote Penang mainland as a green tourism destination.

"We hope that more allocation will be given to upgrade basic infrastructure such as public toilets, alternative access roads and parking spots," Baharuddin added.

Mohamad Ridzuan Abu Bakar, 43, a fifth-generation padi farmer, said weather and water supply played an important role in ensuring good quality produce.

"We usually start planting when the Drainage and Irrigation Department lets us know the prime time to do so and gives us water after studying the weather pattern.

"We use our tractors to create waterways before levelling the ground within the first two weeks.

"Then, we will let water in and put pesticide before soaking the seedlings for one day and one night.

"To sow the seeds, we have two choices, either by drone or manpower.

"A week after that, we start putting weed poison every day for two weeks.

Padi straw sculptures, rice production featured at site



(From right) Aniq and team members Arminul Hosaini Mohd Zaker, 23, Zal Hazmi Norsabaruddin, 26, Nurfarahib Roslan, 28, and Shararath Bunjarat, 27, with their trophy, certificate and 'Life Theory' sculpture — Photos: ZHAFFARAN NASIB/The Star



Visitors trying their hand at traditional rice planting.

"Then, we will put in the first round of fertilisers and vitamins," he elaborated, adding that at week 35, fertilisers were put in for the second time and during weeks 45 to 50, a third time.

"The padi will start growing in week 65 and it is very crucial that there is no heavy rain during this period.

"It usually takes between 105 and 110 days to harvest," said Mohamad Ridzuan.

He explained that from the first day to 30, rain was important to ensure that there was sufficient water for pesticides and vitamins.

"The weather must not be too wet between day 60 and 70, or the flowers will drop before bearing fruit.

"If the weather is too dry for a month, the seedling will not grow to its full size and if it rains too much, the flowers will not grow into fruits.

"It is important that the conditions are just right, in order to produce good quality rice," he said.

Festival groundwork

Meanwhile, the festival's key organising committee member, Amos Ng, who is also Seberang Prai Professional Entrepreneur Club president, said it took the organisers about six months to conceptualise the festival on top of physical groundwork.

"One of the festival's highlights is the padi straw sculpture competition, which attracted 17 teams.

"The participants spent two weeks completing their designs, ranging from buildings to animals and abstract structures.

"The sculptures, each showing



Ng: It took about six months to conceptualise the festival on top of physical groundwork.

their creators' creativity as well as elements of padi and farming, attracted a crowd.

"It is the first time such a competition has been organised in the country and I am proud of the university students, artists and architects from all over Malaysia who transformed padi straw into art masterpieces," said Ng.

The Penang Chief Minister Award for the padi straw sculpture competition went to Archatect USM.

Its team leader Aniq Ammar Abd Rahim said the process took about two weeks — from conceptualising the design to completing the sculpture.

"The sculpture features two rings and on top of them is a pair of hands reaching out to each other.

"The left hand resembles a farmer's hand, it is constructed from the ground and surrounded with hay flowers symbolising the beginning of a farmer's life.



Mohamad Ridzuan says weather and water supply play an important role in ensuring good quality produce.



Baharuddin hopes the state can build and upgrade infrastructure to promote Penang mainland as a green tourism destination.

"The small ring supporting the left hand indirectly defines the village community which contributes to padi production throughout the state.

"The right hand in this sculpture, which looks like it's floating, depicts the government agencies that assist farmers by providing a range of amenities," said Aniq, who is a final-year Masters of Architecture student at Universiti Sains Malaysia.

The 28-year-old further said, "Another notable feature of the right hand is a huge ring that encompasses the entirety of Malaysia.

"There are several meeting points in all four components of the hand and loop, to illustrate the robust and intact cooperation between the farmers and the government."

Aniq's team comprised students in various academic disciplines including Landscape Architecture and Engineering Technology.